



Peserta melakukan aktiviti bersama-sama anak yatim.



Persembahan seni mempertahankan diri di hadapan bekas kubu Kota Konstantinopel.



Penyerahan sumbangan wang daripada hasil kutipan dijalankan di Malaysia dan sumbangan roti daripada Roti Maria.

Kembara tamadun Islam di Turki

Oleh Sarah Aina Shawal
sarah.aina@bh.com.my

► Turki

Terkenal dengan jolokan ibu kota yang mempunyai kehebatan sejarah tamadunnya, Turki menjadi lokasi lawatan Sekretariat Sahabat Kembara Ilmu (SKIL) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menyertai program Global Islamic Student Outreach (GISO) ke Turki, baru-baru ini.

Pengarah Program, Mohd Afiq Syafirin, berkata selain mendekati gaya hidup masyarakat di sana, peserta turut menjalinkan hubungan antarabangsa dengan institusi pendidikan serta Yayasan Sains dan Kebudayaan Istanbul.

Katanya, lawatan ke yayasan berkenaan membolehkan peserta mendekati anak pelarian Syria yang majoritinya berumur dalam lingkungan empat hingga 16 tahun.

"Kami juga berpeluang bertemu dengan Happy Home Happy Life, sebuah organisasi yang memberi perlindungan kepada

insan yang tidak bernasib baik.

Keindahan landskap

"Organisasi ini menempatkan pelarian di rumah yang lengkap dengan pelbagai kemudahan dan peralatan dan mereka dipantau dua penjaga dalam suasana penuh kekeluargaan dan

kasih sayang," katanya. Katanya, lawatan ke Turki tidak lengkap jika tidak mengunjungi lokasi bersejarah seperti Hagia Sophia, Masjid Biru, Masjid Kalender, Masjid Sulaymaniye yang terkenal dengan keindahan landskap dan seni bina. Menariknya, Mohd Afiq berkata, masjid yang kebanyakannya berusia lebih 100

Peserta bergambar kenangan bersama-sama komuniti Yayasan Sains dan Kebudayaan Istanbul.



tahun ini mempunyai keistimewaan sejarah tersendiri selain keunikan rekaan seni binanya.

Peserta, Nur Hanis Mansor, berkata lawatan itu memberi kenangan terindah buatnya apabila berpeluang merasai pengalaman berjumpa komuniti Islam berkenaan. Katanya, lawatan ke Topkapi Palace iaitu sebuah istana dibangunkan pada tahun 1478, yang kini dijadikan muzium yang sentiasa dikunjungi pelancong dan penduduk setempat.

“

KAMI JUGA BERPELUANG BERTEMU DENGAN HAPPY HOME HAPPY LIFE, SEBUAH ORGANISASI YANG MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA INSAN YANG TIDAK BERNASIB BAIK”

Mohd Afiq Syafirin,
Pengarah Program

